

1 MAR 1996

Muhammad-Kota raya

PELABUHAN KLANG DAN PULAU SEKITARNYA JADI KOTA RAYA

PELABUHAN KLANG, 1 Mac (Bernama) -- Pelabuhan Klang dan pulau-pulau sekitarnya akan dibangunkan sebagai sebuah kota raya pelabuhan sesuai dengan peranannya sebagai pintu masuk perdagangan ke Asia Tenggara pada abad ke-21, kata Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib.

Katanya satu kajian daya maju projek itu akan dijalankan bagi meneliti kesesuaian Pelabuhan Klang, Pulau Indah, Pulau Carey dan kawasan Taman Perindustrian Marin di Kapar dibangunkan untuk tujuan itu.

"Dari segi konsepnya, kawasan ini berpotensi bagi pedagang dan usahawan untuk memulai, mendirikan, mengendali dan meluaskan perdagangan bukan saja ke Malaysia tetapi juga seluruh Asia Tenggara," katanya ketika merasmikan pejabat dan gudang berlesen Nippon Express (M) Sdn Bhd di sini hari ini.

Beliau berkata selain lengkap dengan prasarana pelabuhan dan maklumat, ia juga akan mempunyai dewan pameran bertaraf antarabangsa, kemudahan penginapan, marina bagi bot mewah dan tarikan pelancongan termasuk akuarium besar dan pusat rujukan sejarah maritim negara.

Di samping mempelawa syarikat-syarikat besar mengambil bahagian dalam pembangunan kawasan pesisir pantai Selangor, beliau juga mahu usahawan kecil dan sederhana turut merebut peluang dan berkembang maju dalam perancangan pembangunan itu.

"Dalam jangka panjang, perancangan ini akan mencapai hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikan Malaysia tumpuan dunia dalam bidang perkapalan, riadah laut dan industri berasaskan maritim," katanya.

Mengenai Nippon Express, Muhammad berkata pembukaan gudang berlesen syarikat itu membuktikan bahawa Malaysia terus mendapat perhatian positif dari kalangan pemodal asing, khasnya syarikat Jepun.

Katanya dalam sektor pembuatan sahaja, Selangor menerima RM5,500 juta pelaburan syarikat-syarikat Jepun antara 1990 hingga 1995 dengan sebahagian besarnya tertumpu dalam bidang elektronik, elektrik, kelengkapan kenderaan dan pengeluaran barangan pengguna.

Nippon Express Malaysia ditubuhkan pada 1984 bagi menyediakan perkhidmatan pengangkutan kargo udara dan laut, pengangkutan peralatan besar, pemasangan dan pergudangan.

Turut hadir pada majlis itu ialah Duta Jepun ke Malaysia, Encik Issei Nomura dan Presiden Nippon Express dari Jepun Encik Shoichiro Hamanaka. --
BERNAMA

MNY RON